

15 MAY 2001

Mahathir-Belia

DR MAHATHIR MAHU BELIA JALIN HUBUNGAN BAIK DARI WAKTU MUDA LAGI

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belia dari pelbagai kaum di negara ini perlu menjalin hubungan baik sesama mereka dan menanam semangat kesukarelaan dari masa muda lagi.

Perdana Menteri berkata, adalah lebih mudah memupuk sikap begitu dari waktu muda lagi kerana sukar mengubah pendirian dan pemikiran apabila dewasa nanti.

"Belia, walaupun masih muda, mempunyai peranan penting untuk menentukan masa depan mereka. Jika mereka sanggup bekerjasama, bermain bersama dan belajar bersama, Malaysia akan diduduki rakyat yang bersatu padu dan menjadikan bangsa Malaysia bahagia dan maju," katanya pada Perhimpunan Hari Belia Negara 2001 di Stadium Perak malam ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Saifuddin Abdullah.

Perhimpunan Hari Belia kali ini, yang dihadiri kira-kira 30,000 orang, merupakan yang terbesar pernah diadakan dan bertemakan "Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan".

"Tugas ini amat berat untuk dipikul oleh belia. Tugas mencapai perpaduan amat penting dan jika belia mampu bersatu-padu semasa muda lagi, tidak timbul masalah rapatkan hubungan kaum apabila dewasa nanti," katanya.

Dr Mahathir berkata belia perlu membentuk peribadi yang sesuai dengan keharmonian kaum yang sedia ada dan berharap lebih banyak acara yang melibatkan belia daripada pelbagai kaum dapat diadakan.

Dalam mencapai matlamat ini, kepimpinan gerakan yang sedar tanggungjawab ini amatlah diperlukan dan bukannya mereka yang mempunyai kepentingan tertentu dan membelakangkan negara, kata beliau.

Perdana Menteri berkata masa depan negara dan masyarakat bergantung kepada kesedaran pemimpin belia yang perlu memastikan mereka tidak sekali-kali mengikut telunjuk atau orang asing yang mahu memburukkan negara.

Mengenai tema tahun ini, Dr Mahathir berkata tema itu amat penting kerana sikap kesukarelaan penting untuk merapatkan hubungan antara kaum sepanjang masa.

"Buatlah sesuatu tanpa harapkan balasan, buat kerana kepuasan diri dan sanggup berkorban. Jika ini dapat dipupuk, kita dapat melahirkan masyarakat yang mulia lagi bahagia dan negara menjadi maju," kata beliau.

Dr Mahathir berkata belia di negara ini perlu menolak pandangan sesetengah orang asing yang mengutamakan diri, tamak dan mahu membuat sesuatu hanya untuk kepentingan diri tanpa melihat kepentingan masyarakat.

"Sebab itulah tema kali ini amat tepat pada masanya kerana sekarang ini ada budaya yang diperkenalkan oleh orang luar yang pentingkan diri dan keseronokan diri...ini bukan perbuatan yang baik," tambah beliau.

Katanya, semangat kesukarelaan perlu dipupuk semasa muda lagi dan seseorang itu perlu belajar membuat sesuatu secara sukarela dan tidak mengharapkan imbuhan atau upah semata-mata.

Beliau berkata semangat kesukarelaan yang tidak mengambil kira kaum akan menolong perpaduan kaum di negara ini, sebaliknya hasutan supaya seseorang jangan bersyukur dan berterima kasih hanya akan menjadikan hubungan antara kaum menjadi buruk.

Dr Mahathir berkata sikap mementingkan diri sendiri atau "do it your

own way" akan mendatangkan kesan buruk kepada kehidupan orang lain.

Beliau juga meminta persatuan-persatuan belia tidak terlalu meminta bantuan untuk membuat sesuatu kerana sikap meminta-minta terlalu kerap bukanlah budaya yang baik.

"Dahulu tidak banyak persatuan belia. Dahulu ada pengakap, pandu puteri dan mereka diajar menolong orang lain. Untuk kutip derma, mereka buat sesuatu kerja dan ini sesuatu yang baik," tambah beliau.

Beliau berharap belia dapat memupuk budaya kesukarelaan yang dapat menyumbang kepada perpaduan kaum dan menjadikan masyarakat Malaysia lebih maju dan bahagia.

Dr Mahathir berkata perhimpunan kali ini merupakan yang terbesar pernah diadakan dan penyertaan pertubuhan belia dari pelbagai kaum dan agama amat mengagumkan beliau.

-- BERNAMA

AR KAY FAZ